

Sila semak semasa dilafazkan

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DR. SITIHASMAH BINTIHAJIMOHD ALI
DI MAJLIS PERASMIAN AGM BAKTI
DI SRI PERDANA, JALAN DAMANSARA, KUALA LUMPUR
PADA HARI SELASA, 13 JULAI 1999
JAM 2.30 PETANG

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Ilahi atas limpah kurniaNya mengizinkan kita berkurapul di Sri Perdana dengan selesa untuk Majlis Perasmian Mesyuarat Tahunan BAKTI yang ke-22.

2. Selaku Yang Di Pertua BAKTI dan bagi pihak ahli-ahlinya, saya mengalu-alukan kehadiran tetamu kehormat kita YBhg Kolonel Dr Rashidah Ishak yang sudi melapangkan masa untuk bersama-sama kita petang ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada beliau dan juga kepada semua saudara/saudari yang hadir.

3. Dua puluh dua tahun agakjuga lama bagi sebuah Badan Kebajikan seperti BAKTI. Hampir 1/4 abad berkhidmat secara sukarela kepada masyarakat yang tertentu, BAKTI berasa bangga dan berpuas hati dapat membantu mereka bersama-sama dengan badan-badan sukarela yang lain dan memenuhi juga hasrat Kerajaan mengujudkan masyarakat yang berprihatin terhadap golongan yang susah.

4. Sejak ditubuhkan pada tahun 1977, malahan sebab kebajikanlah BAKTI ditubuhkan, BAKTI tidak berhenti-henti cuba menyumbang derma kepada masyarakat yang memerlukan bantuan. Dengan adanya kegawatan ekonomi pada Julai 1997, BAKTI mula berjimat cermat sedikit dengan mengurangkan bilangan penerima bantuan BAKTI kerana BAKTI telah menanggungkan kutipan derma dari orang ramai yang biasa

diamalkan 2 tahun sekali. Namun, ramai juga rakan-rakan BAKTI terus menghulurkan derma kepada BAKTI, khasnya dari Korporat-korporat yang sentiasa membuat amal bakti kepada orang ramai.

5. Saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua para dermawan yang sentiasa menghulurkan derma tanpa apa-apa jua rayuan dari Bakti. Senioga Allah s.w.t. sentiasa memberi rahmat dan rezeki yang banyak kepada mereka dan semoga mereka terus maju.

6. Negara Malaysia yang tercinta ini merupakan satu negara yang paling bertuah mempunyai pembangunan wanita dalam pelbagai bidang. 50 tahun dahulu, negara kita mempunyai seorang sahaja doktor perempuan Melayu tetapi kini beberapa ratus ujud dari Universiti tempatan dan luar negara. Kita berbangga dengan wanita-wanita yang meneroka bidang-bidang yang lazimnya diduduki dan dikuasai oleh kaum lelaki sahaja. Mereka kini sudahpun memegangjawatan-jawatan yang tertinggi dan melakukan apajua tugas-tugas yang terdahulu tidak akan dimimpikan. Keharmonian bersama dengan kecekapan diri menyakinkan wanita-wanita ini menghadapi cabaran-cabaran semasa dan meraih kejayaan. Malaysia sekarang berbangga dengan adanya wanita-wanita dalam penghakiman sebagai Hakim dan Solicitor Awam, dan dalam agensi-agensi Kerajaan. Pegawai-pegawai yang memberi taklimat dan menguruskan KLCC dan Putrajaya adalah wanita berjawatan Jurutera, Pengurus Besar dan sebagainya.

7. Risiko tidak menjadi halangan kepada wanita zaman ini. Mereka menunjukkan kebolehan mereka bersma-sama dengan rakan lelaki mereka menerjuni dari angkasa di Khutub Utara - suatu perbuatan yang tidak pernah dilakukan oleh sesiapa dahulu. Seorang Mejar wanita dalam T.U.D.M. telah berjaya memandu Pesawat Jet Berjuang (Fighter Jet) dan menjadi Instruktur bagi ahli-ahli yang lain.

8. BAKTI sama berbangga atas kejayaan-kejayaan wanita Malaysia memegang jawatan-jawatan yang tertinggi dan berkhidmat dengan cemerlang. Seperti biasa, BAKTI memberi hormat kepada wanita-wanita sebegini setiap tahun dengan menjemput mereka merasmikan AGM BAKTI serta memberi ucapan mengenai pengalaman mereka mencapai kejayaan.

9. Pada tahun ini, kita amat bertuah mengalu-alukan kehadiran seorang wanita Melayu yang berhemah tinggi menjadi doktor gigi pada mulanya tetapi sekarang memegang jawatan Pakar Periodontologi dalam bidang pergigian juga. Yang anehnya wanita ini memilih berkhidmat dalam angkatan tentera. Tetapi apa yang kita banggakan mengenai wanita ini ialah beliau adalah wanita Melayu, malahan wanita Malaysia yang pertama, dinaikkan pangkatnya kepada jawatan Kolonel. Dalam tentera, jawatan Kolonel ini, adalah 1-2 peringkat sahaja bawah Brigadier General dan General penuh.

10. Bagi pihak BAKTI dan diri saya sendiri, kami ucapkan syabas dan tahniah kepada Kol. Dr. Roshidah Ishak, tetamu kehormat, atas kejayaannya yang cemerlang ini. Saya tidak mahu cerita panjang mengenai diri beliau kerana memberi peluang kepada beliau menceritakan sendiri bagaimana beliau tertarik kepada kerjayanyayang amat sukar bagi membahagikan masa untuk suami, untuk 5 orang anak berumur 3 tahun hingga 17 tahun dan tugas-tugas beliau sebagai seorang profesional.

11. Memadailah saya perkatakan bahawa Kolonel Dr. Rashidah adalah anak Pulau Pinang, anak tahun merdeka dan mendapat ijazah pertama dari UM pada 1981. Beliau telah menerima ijazah Masters Periodontologi di Bristol, UK pada 1991. Berjawatan sebagai Kapten pada mulanya di Pusat Pergigian Angkatan Tentera, beliau dinaikkan pangkat kepada Mejar pada 1987, Lt. Kolonel pada 1993 dan sekarang full Kolonel. Suami beliau yang bertugas dalam TUDM berasal dari Kelantan dan berpangkat Lt. Kolonel (Udara).

12. Saya inginlah "claim" sedikit sumbangan kepada kejayaan Kolonel Dr. Rashidah ini. Setelah saya bersara dari I.K.U. sebagai Pegawai Kesihatan pada 1979. saya bertugas sebagai pensyarah sambilan di Fakulti Pergigian, U.M. selama 2 tahun. Tugas saya ialah member! syarahan mengenai kesihatan ibu dan anak kepada siswa/siswi Pergigian tahun akhir dan membawa mereka ke Telok Datuk untuk lawatan praktik. Sesudah lawatan itu. kami akan ke Morib untuk berkeiah. Antara siswa/siswi saya ialah, seorang siswi, yang pada hari ini menjadi tetamu kehormat BAKTI pada petang ini.

13. Tahniah sekali lagi dan terima kasih kepada tetamu kehormat kita atas kesudian hadir meraikan Majlis BAKTI ini. Semoga Kolonel Dr. dikurniakan kebahagiaan dan terns berjaya samping bersama dengan suami dan keluarga.
